

**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**JANGAN TULAR SEBARANGAN MENGENAI TUMPAHAN MINYAK
DI LEBUHRAYA KLK**

KUALA LUMPUR, 30 Mei – ANIH Berhad, pemegang konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) hari ini menafikan berlakunya tumpahan minyak antara KM46.2 hingga KM46.8 arah timur (Bukit Tinggi).

Syarikat ingin memaklumkan bahawa mesej bergambar yang kini sedang tular menerusi aplikasi Whatsapp, Facebook dan Twitter yang mendakwa kononnya terdapat tumpahan minyak antara KM46.2 hingga KM46.8 arah timur (Bukit Tinggi) itu adalah tidak benar.

Sebaliknya gambar yang sedang ditularkan itu adalah insiden lama berlaku pada 10 April 2019 membabitkan insiden kemalangan treler.

Oleh itu, syarikat memohon pengguna Lebuhraya KLK supaya tidak terpedaya dengan pihak tertentu yang menyebarkan gambar lama lokasi insiden kemalangan berkenaan.

Orang ramai terutamanya pengguna Lebuhraya KLK juga diminta menghentikan sebarang mesej berkenaan kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan serta suasana panik, khususnya apabila ramai yang ingin pulang ke pantai timur untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri ini.

Justeru, pengguna dinasihatkan melayari laman sosial syarikat iaitu Twitter di @LPTTrafik dan Facebook Lebuhraya Pantai Timur untuk mengetahui maklumat rasmi mengenai keadaan trafik di lebuhraya.

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu.

Tamat.

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan
farizal.hajat@mtdgroup.com.my
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat Kumpulan
sofia.roseli@mtdgroup.com.my

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my